

Desas-desus Timbalan Perdana Menteri Kedua

Dr. Mahathir sangkal

Oleh SITI HATIJA YUSOF
dan ABDUL RAZAK DIN

KUALA LUMPUR 6 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyangkal khabar angin kononnya beliau akan melantik seorang Timbalan Perdana Menteri Kedua.

Dr. Mahathir berkata apa yang terscbar hanyalah khabar angin semata-mata dan beliau tidak tahu menahu kononnya ada cadangan mengenai perkara itu.

“Baru hari ini saya mendengar cadangan untuk mewujudkan jawatan Timbalan Perdana Menteri Kedua,” katanya menjawab pertanyaan para pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani perjanjian projek pembinaan jambatan kedua Sungai Yangtze, Nanjing antara Kumpulan Berjaya dengan Majlis Perbandaran Nanjing di sini hari ini.

Khabar angin tersebut berpunca daripada laporan akhbar dari ne-

gara jiran minggu lalu. Ia juga dipercayai menjadi salah satu sebab kelembapan dan kejatuhan harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) beberapa waktu kebelakangan ini.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula menasihatkan orang ramai supaya mengeneipikan khabar angin yang disebarkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan berniat jahat itu.

Anwar menjelaskan, perkara itu turut disentuh dalam pertemuannya dengan Dr. Mahathir pagi ini dan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa soal perlantikan timbalannya yang kedua sama sekali tidak berbangkit.

“Keputusan yang kita buat pada pertemuan itu ialah untuk tidak melayani sama sekali khabar angin yang tidak bertanggungjawab.

■ Lihat muka 2

Dr. Mahathir sangkal

"Kemungkinan ia disebarkan oleh mereka yang berkepentingan, yang kecewa kerana tidak mendapat kontrak perniagaan, mereka yang sengaja mahu melihat pasaran saham terganggu atau kecewa permohonan tidak dilayan," katanya.

Anwar berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan Persidangan Tinjauan Ekonomi Kebangsaan 1994 anjuran Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dengan kerjasama Canadian International Development Agency (CIDA) di sini, hari ini.

Menurut Anwar, beliau tidak mengetahui punca dan tujuan sebenar golongan berkenaan menyebarkan khabar-khabar angin itu.

"Kita juga mendapat maklumat bahawa sebahagian daripada khabar-khabar angin itu sememangnya sengaja dilemparkan untuk menimbulkan sedikit sebanyak masalah kepada negara ini," katanya.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau tidak fikir khabar-khabar angin itu akan memberikan kesan kepada Malaysia.

"Saya kira khabar angin ini disebarkan oleh orang yang tidak bertanggungjawab dan perkara ini pernah berbangkit dahulu dan kini berbangkit semula," katanya.

Ditanya kemungkinan khabar angin mengenai perlantikan Timbalan Perdana Menteri Kedua itu merupakan satu perancangan pihak tertentu, Anwar berkata: "Saya tidak tahu sama ada ia satu perancangan atau tidak, tetapi sememangnya ia bertujuan tidak baik sama sekali."

Malah, menurut Anwar, adalah sukar bagi beliau menerima sebab-sebab mengapa khabar angin mengenai perlantikan Timbalan Perdana Menteri Kedua boleh ditimbulkan kerana sepanjang pengetahuannya beliau mempunyai hubungan yang baik dengan Dr. Mahathir serta sering mengadakan perbincangan berdua.

"Adalah sukar untuk saya menerimanya dan ia tidak adil

kepada saya, lebih-lebih lagi kepada Perdana Menteri dan negara," katanya.

Dengan itu, Anwar berkata, beliau hanya mampu membuat kesimpulan bahawa mereka yang menyebarkan khabar angin berkenaan tentunya mempunyai pelbagai alasan sendiri seperti mendapat keuntungan ekonomi, politik, sosial, peribadi ataupun keluarga.

Mengenai kejatuhan harga-harga saham di BSKL, Menteri Kewangan itu berkata, beberapa faktor luar seperti kejatuhan harga saham di bursa saham negara lain juga mendorong kejatuhan itu.

"Faktor dalaman seperti keengganan para pelabur untuk melabur secara jangka panjang berdasarkan asas ekonomi turut menjadi puncanya.

"Untuk itu, saya mahukan para pelabur agar tidak memburu keuntungan jangka pendek dengan melabur berasaskan spekulasi kerana cara itu sudah pasti menyebabkan mereka 'goyah' setiap kali ada khabar-khabar angin," katanya.

Sehubungan dengan itu, beliau sekali lagi mengulangi seruannya agar para pelabur membuat pelaburan asas yang kukuh berlandaskan kedudukan dan prestasi sebenar syarikat berkenaan, kedudukan ekonomi negara semasa dan politik stabil.

Anwar berkata, kejatuhan harga saham sekarang ini tidak sepatutnya terlalu membimbangkan kerana asas ekonomi syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL dan asas ekonomi negara amat meyakinkan.

"Bagaimanapun Kementerian Kewangan sedang mengawasi perkembangan itu yang dianggap sebagai sentimen sementara," katanya.

Ditanya kemungkinan BSKL akan diarah mengambil sesuatu tindakan bagi menghalang kejatuhan harga saham yang berterusan, Anwar berkata: "Saya tidak fikir pihak berkuasa atau agensi patut bertindak segera."